

Penggunaan Teknik TEMBAK dalam Interaksi Lisan

Khairunnisa Zulkifli

khairunnisa_zulkifli@moe.edu.sg

Norazela Rosli

norazela_rosli@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Woodlands

Abstrak

Menjana idea yang berkesan untuk mempertingkatkan kemahiran interaksi lisan berdasarkan tema video merupakan satu cabaran bagi para pelajar. Justeru, teknik TEMBAK dicipta untuk menangani permasalahan ini. TEMBAK merupakan akronim untuk TEMa, BAwang (merujuk kepada lapisan masyarakat menurut teori ekologi Bronfenbrenner) dan Kesan. Sebagai satu persediaan sebelum berinteraksi bersama pemeriksa, teknik TEMBAK diharapkan dapat membantu para pelajar membina kemahiran menjana idea secara kritis dan sistematik dengan mencungkil pengetahuan sedia ada. Seramai 20 pelajar Menengah 1 Ekspres telah terlibat dalam kajian ini. Analisis data praujian dan pascaujian secara kuantitatif menggunakan *Effect Size* menunjukkan bahawa teknik TEMBAK berupaya meningkatkan kemahiran lisan pelajar menerusi penjanaan idea yang efektif. Data kualitatif turut digunakan bagi tujuan meneliti dan menilai kebolehan pelajar mengaplikasikan teknik tersebut.

Kata Kunci: interaksi lisan, akronim, menjana idea, mengaplikasikan



PENGENALAN

Para pelajar sekolah menengah bagi semua aliran Ekspres, Normal Akademik dan Normal Teknikal akan menduduki format peperiksaan lisan yang baharu pada tahun 2016. Untuk membuat pembelajaran lebih autentik dan menarik, Kementerian Pendidikan (MOE) telah menggabungkan teknologi komunikasi dan maklumat dalam kaedah pembelajaran dan penilaian. Video akan menggantikan gambar sebagai rangsangan ujian dalam penilaian lisan. Pelajar kini sudah terbiasa dengan komponen yang lama iaitu perbualan berdasarkan gambar. Teknik yang telah digunakan untuk perbualan berdasarkan gambar tidak boleh digunakan untuk format yang baharu ini. Maka kami perlu mencari teknik baharu untuk membantu mereka mendapatkan idea-idea untuk perbualan berdasarkan video. Melalui platform Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC), Unit Bahasa Melayu Sekolah Menengah Woodlands telah mengilhamkan sebuah teknik baharu yang dipanggil TEMBAK. Ia merupakan singkatan TEMa (tema), BAwang (yang berkaitan dengan lapisan masyarakat yang berbeza mengikut Teori Ekologi Bronfenbrenner) dan Kesan.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. menguji keberkesanan teknik TEMBAK yang dicipta; dan
2. meningkatkan keupayaan pelajar dalam ujian lisan.

PERNYATAAN MASALAH

Penggunaan video sebagai bahan rangsangan bagi interaksi lisan menimbulkan suatu masalah baharu bagi para pelajar. Walaupun mereka masih boleh menyampaikan idea mereka, hujah-hujah yang dikeutarakan agak cetek dan kurang penerangan yang bernas. Mereka juga tidak dapat memanfaatkan sepenuhnya masa yang diberikan semasa waktu persediaan untuk mempersiapkan diri dan minda bagi menjawab soalan-soalan yang bakal diajukan. Daripada perspektif guru pula, masalah ini merupakan suatu cabaran baharu kerana penilaian seumpama ini pada peringkat peperiksaan nasional hanya akan dimulakan pada tahun 2016. Sebelum ini, suatu kaedah



yang dipanggil OPEC untuk tujuan menjawab soalan berdasarkan gambar telah digunakan. Namun, dengan penggunaan video sebagai rangsangan, kaedah ini menjadi tidak relevan lagi.

KAJIAN LEPAS

Daniel Phua dan Ramna Johana (2015) dari Sekolah Menengah St Hilda's telah membentangkan kajian mereka bertajuk Penerapan *Paul's Wheel of Reasoning* dalam perbualan berdasarkan video di Seminar Bahasa Melayu 2015. Kajian ini menggunakan pengajaran rutin pemikiran sebagai suatu kaedah penghujahan seiring dengan rutin pemikiran *See-Think-Wonder* untuk menaiktarafkan pertuturan, penerangan, bahasa dan keterikatan isi pelajar dalam komponen perbualan.

Nasyitah Abu Bakar, Noor Aisyah Ahmad Sharif dan Zulkifli Khamis (2015) pula mengkaji kaedah 4P iaitu Penjelasan, Pengalaman, Pendapat dan Pengajaran dalam penilaian kompetensi lisan. Dapatan kajian mereka yang juga dibentangkan di Seminar Bahasa Melayu 2015, menunjukkan pencapaian markah yang baik dalam kalangan pelajar selepas mengaplikasikan kaedah 4P. Pengkaji telah memilih untuk memulakan sebuah projek menggunakan akronim yang dinamakan TEMBAK sebagai teknik untuk membolehkan pelajar menjana idea-idea secara berkesan dalam peperiksaan lisan yang menggunakan video sebagai rangsangan. Akronim ditakrifkan sebagai satu perkataan yang terbentuk daripada gabungan huruf-huruf pertama atau suku kata beberapa perkataan yang boleh diujarkan sebagai satu perkataan (acronym, n.d.). Menurut *Psych Central Staff* (2015), akronim merupakan alat mnemonik yang boleh digunakan untuk memudahkan pengguna mengingat sesuatu maklumat. Dengan kata lain, akronim TEMBAK ialah teknik memori untuk membantu minda pelajar mengekod dengan lebih baik dan juga mengingati maklumat penting yang diperlukan untuk perbualan lisan. Lantas, TEMBAK ialah jalan pintas yang dapat membantu pelajar mengaitkannya dengan Tema, Bawang dan Kesan.

Dalam perbualan lisan, mencungkil pengetahuan sedia ada pelajar adalah penting. Bahkan, pengetahuan sedia ada telah lama dianggap sebagai faktor paling penting yang mempengaruhi pembelajaran dan pengetahuan



pelajar (Hailikari, T., Katajavuori, N., dan Lindblom-Ylänne, S., 2008). Lagipun, Bransford, Brown dan Cocking (2000) menyatakan bahawa pelajar mempunyai pelbagai pengetahuan sedia ada, kemahiran, kepercayaan dan konsep yang akan mempengaruhi cara mereka menilai dan mentafsirkan sekitaran mereka dan ini seterusnya akan menjejaskan kebolehan mereka untuk ingat, beranalogi, menyelesaikan masalah dan memperoleh pengetahuan baharu.

Urie Bronfenbrenner (2015) percaya bahawa pembangunan seseorang dipengaruhi oleh segala-galanya dalam persekitaran mereka. Pelajar diajar untuk memanfaatkan pengetahuan sedia ada mereka dan latar belakang dalam lapisan '*microsystem*', '*mesosystem*', '*exosystem*', '*macrosystem*' dan '*chronosystem*' mereka untuk menjangka soalan-soalan yang mungkin akan ditanya oleh pemeriksa lisan.

KAEDAH KAJIAN

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 20 orang pelajar Menengah 1. Mereka merupakan para pelajar lelaki dan perempuan daripada pelbagai keupayaan. Para pelajar ini belum lagi didedahkan kepada format peperiksaan lisan baharu iaitu soalan berasaskan rangsangan video yang ditonton. Kami pastikan para pelajar memperoleh bahan pengajaran yang sama, cara pemarkahan menggunakan rubrik yang standard serta pemarkahan sebelum dan sesudah intervensi yang serupa. Semua pelajar melalui 3 kitaran intervensi yang dijalankan di antara praujian serta pascaujian.

Reka Bentuk Kajian

Projek ini menggunakan bentuk kuasi-eksperimental dan para pelajar semuanya daripada kelas yang sama. Praujian dan pascaujian yang sama juga dijalankan ke atas semua pelajar sebelum dan sesudah intervensi. Keputusan praujian serta pascaujian dikumpulkan, dibandingkan dan kemudian dianalisis di akhir kajian. Ini bertujuan untuk mengesahkan bahawa penggunaan intervensi teknik TEMBAK ini dapat membantu memperbaiki keupayaan pelajar untuk menjawab soalan-soalan peperiksaan lisan berasaskan rangsangan video.



Praujian dan pascaujian yang dijalankan merupakan sebuah ujian lisan yang serupa. Ujian perbualan lisan yang dijalankan terdiri daripada 3 soalan yang perlu dijawab oleh para pelajar setelah menonton sebuah video. Jumlah markah bagi ujian ini ialah 20 markah. Pemarkahan praujian dan pascaujian berdasarkan skema pemarkahan yang disediakan dalam peperiksaan nasional. Beberapa perbualan yang dipilih secara rawak juga dirakamkan bagi tujuan analisis kualitatif.

Prosedur Kajian dan Pengumpulan Data

Kajian ini dijalankan pada penggal 3, 2015. Kajian dimulakan dengan para pelajar menduduki praujian. Semua pelajar diberi 5 minit sebagai masa persediaan. Masa ini boleh mereka gunakan untuk menonton sebuah video sebelum berdepan dengan guru pemeriksa yang menjalankan ujian. Guru itu kemudiannya menanyakan tiga soalan kepada para pelajar. Rakaman dalam bentuk audio juga turut dilakukan. Tiga soalan yang dikemukakan adalah seperti berikut.

1. Adakah kamu mempunyai jiran yang baik di kawasan kejiranan kamu? Mengapa?
2. Bolehkah kamu memetik contoh-contoh tingkah laku yang tidak bertimbang rasa oleh jiran-jiran kamu dalam kejiranan kamu?
3. Senaraikan beberapa cara untuk meningkatkan hubungan antara jiran.


Setelah keputusan praujian dikumpulkan, 3 kitaran intervensi dimulakan. Pada kitaran pertama, para pelajar itu diajar untuk mengenal pasti tema pada video yang ditonton. Tema ialah subjek yang menjadi dasar sesuatu pembicaraan. Pelajar diajar pelbagai tema seperti sukan, keluarga, kesihatan dan sebagainya. Semasa menonton video seminit, pelajar diajar untuk mengenal pasti tema video. Mengetahui tema video yang digunakan untuk perbualan lisan adalah penting supaya pelajar dapat membayangkan soalan yang mungkin ditanya oleh pemeriksa.

Kemudian, pada kitaran kedua, mereka dilatih untuk mengaitkan apa yang ditonton kepada lapisan-lapisan masyarakat yang telah digubal berdasarkan teori ekologi Bronfenbrenner (Lihat Rajah 1). 'BAwang'



merupakan gelaran bagi lapisan masyarakat yang berbeza-beza ini. Para pelajar dikehendaki mengaitkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada mereka terhadap lapisan-lapisan tersebut.

Rajah 1: Teori Ekologi Bronfenbrenner - Lapisan Masyarakat 'BAwang'



Akhir sekali, pada kitaran yang ketiga, mereka diajar untuk mencari 'Kesan' daripada perkara-perkara yang terdapat dalam video-video yang telah mereka tonton. Pada bahagian ini, pelajar diajar untuk berfikir tentang pelbagai kesan atau akibat positif dan negatif yang boleh berlaku kepada seseorang individu. Pelajar juga diajar untuk memanfaatkan ilmu pengetahuan yang mereka miliki supaya dapat menjana idea untuk mempersiapkan minda mereka terhadap soalan-soalan yang berkaitan dengan aspek ini. Ketiga-tiga kitaran intervensi ini membentuk teknik yang dinamakan TEMBAK. Seperti yang dikatakan awal tadi, TEMBAK merupakan sebuah akronim untuk TEMA, BAwang and Kesan.

Setelah selesai 3 kitaran intervensi ini dijalankan, para pelajar sekali lagi menduduki ujian lisan yang sama. Sekali lagi, rakaman suara dilakukan pada waktu yang sama. Data yang dikumpulkan daripada praujian dan pascujian dicerakin untuk mengetahui sama ada penggunaan 3-kitaran intervensi yang kami jalankan, iaitu teknik TEMBAK, telah dapat meningkatkan keupayaan



para pelajar untuk menjawab soalan-soalan lisan berasaskan rangsangan video.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Keputusan praujian dan pascaujian telah dikumpulkan dan dianalisis menggunakan perisian Ukuran Kesan (*Effect Size*). Memandangkan intervensi ini hanya tertumpu kepada proses menjana idea, maka kami hanya melihat komponen idea dalam pemarkahan lisan pelajar.

Jadual 1: Skor Purata bagi Praujian dan Pascaujian

N	20	
Korelasi	0.16	
Min (Purata)	13.5	14.2
Sisihan Piawai (SD)	1.10	2.07
Perbezaan	0.7	
SMD	0.64	

Seperti yang tertera dalam Jadual 1, skor purata praujian bagi sampel 20 pelajar ialah 13.5 dan skor purata pascaujian ialah 14.2. Oleh itu, terdapat peningkatan sebanyak 0.7 dari segi markah purata yang diperolehi pelajar. Angka *standardized mean difference* (SMD) pula ialah 0.64. Menurut Cohen (1988), angka ini menunjukkan bahawa terdapat kesan sederhana, hasil daripada intervensi kajian ini (rujuk Jadual 2). Ukuran Kesan positif bermakna bahawa terdapat peningkatan dalam hasil pelajar yang menunjukkan keberkesanan intervensi ini. Dengan kata lain, terdapat satu trend yang positif dan peningkatan selepas intervensi teknik TEMBAK.

Jadual 2: Cohen *Standardized Mean Difference* (SMD)

Ukuran Kesan	Interpretasi
0.20	Kesan yang kecil
0.50	Kesan yang sederhana
0.80	Kesan yang besar



Transkrip

Kami juga menganalisis transkrip rakaman praujian dan pascaujian daripada 3 orang pelajar yang dipilih secara rambang sebagai sebahagian daripada analisis kualitatif kami. Transkrip ini membantu kami mengenal pasti dengan lebih jelas mengenai keberkesanan penggunaan teknik 'TEMBAK' dalam perbualan mereka. 3 orang pelajar yang dipilih secara rambang untuk transkrip mereka diteliti adalah seperti yang tertera dalam Jadual 3 di bawah. Markah mereka semuanya telah meningkat untuk pascaujian jika dibandingkan dengan praujian.

Jadual 3: Julat Markah Transkrip Perbualan

No	Calon	Pra Ujian	Pasca Ujian
1	Pelajar A	13	17
2	Pelajar B	13	17
3	Pelajar C	15	16

Seperti yang dijelaskan di bahagian prosedur kajian, setiap pelajar telah diajukan tiga soalan. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga pelajar dapat menjawab soalan yang dikemukakan kepada mereka berdasarkan video dengan lebih terperinci bagi pascaujian jika dibandingkan dengan praujian. Tambahan pula, guru kurang bertanyakan soalan-soalan rangsangan untuk mendapatkan respons pelajar. Pelajar A dan C, misalnya, dapat memberikan sekurang-kurangnya dua idea yang berasingan bagi setiap soalan yang dikemukakan, berbanding dengan hanya satu idea dalam praujian mereka.

Soalan-soalan pertama dan kedua memerlukan pelajar untuk menggunakan pengetahuan sedia ada atau pengalaman peribadi dengan jiran mereka. Bagi soalan-soalan ini, pelajar memberikan contoh deskriptif dan ditambah pula dengan kesan daripada tindakan tersebut. Sebagai contoh, pelajar A berkata, jiran-jirannya sangat ramah dan sentiasa akan menjemput keluarganya untuk ke majlis keramaian mereka. Oleh itu (Kesan), keluarganya dan jiran-jiran lain dapat hidup secara harmoni tanpa salah faham. Begitu juga dengan soalan 2, pelajar C menyentuh tentang beberapa jiran yang tidak bertimbang rasa kerana mereka akan menyusun pasu-pasu bunga yang besar di sepanjang koridor. Perbuatan itu menghalang jalan bagi orang lain (Kesan) maka, jiran-jiran yang berkerusi roda tidak dapat melaluinya. Yang jelas,



pelajar tidak memberikan kesan daripada tindakan ini dalam praujian mereka, sebelum mereka didedahkan kepada TEMBAK. Untuk soalan ketiga, pelajar C dapat menggunakan BAwang (lapisan-lapisan masyarakat) untuk menjawab. Dia menyebut bahawa secara peribadi (DIRI), dia akan mula berkawan dengan anak-anak jirannya. Dia akan pergi ke sekolah bersama-sama dan juga membantu mereka dengan kerja sekolah masing-masing. Selain itu, dia juga akan menjemput keluarga mereka (KELUARGA) ke rumahnya dengan lebih kerap. Dia juga mencadangkan supaya kita menjalankan aktiviti beriadah bersama jiran-jiran dari estet yang sama (MASYARAKAT). Tambahnya, melalui interaksi ini, kita dapat memahami jiran dengan lebih mendalam walaupun kita daripada pelbagai kaum yang berbeza.

Secara keseluruhannya, idea-idea pelajar untuk praujian tidak mempunyai struktur yang kukuh dan ada kalanya bercelaru, terutamanya untuk soalan 3. Pelajar C, contohnya, berkata bahawa kita boleh keluar untuk berkelah dan bermain bersama-sama, tolong-menolong, membantu untuk memasak dan juga bertukar-tukar makanan. Terdapat sedikit huraian bagi setiap idea namun dia tidak menyebut 'Kesan' bagi setiap tindakan. Maka, perkara ini menunjukkan bahawa jawapannya dalam praujian tidak mendalam dan menyeluruh.

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan bahawa TEMBAK merupakan satu teknik yang efektif untuk pelajar gunakan semasa menduduki peperiksaan lisan. Para pelajar boleh menjana idea secara sistematik dan kritikal. Melalui pendekatan yang ringkas berdasarkan akronim yang mudah diingati, mereka boleh mengaplikasikan apa yang telah diajarkan sebelum dan semasa perbualan lisan. Tanpa pendekatan yang sistematik, pelajar tentu kurang pasti apa yang patut mereka lakukan semasa waktu persediaan. Isi perbualan mereka kurang huraian dan skop perbincangan agak terhad. Menerusi analisis transkrip, adalah jelas bahawa para pelajar dapat menggunakan teknik TEMBAK dan jawapan lisan yang disampaikan semasa pascaujian juga didapati lebih baik daripada praujian. Walau bagaimanapun, kajian yang dijalankan ini tidak mempunyai kumpulan kawalan. Reka bentuk eksperimen kajian pada masa hadapan diharapkan menggunakan kumpulan kawalan yang mungkin dapat mempertingkatkan dan memperhalus teknik yang dikemukakan.



Nota:

Guru-guru berikut turut serta dalam kajian ini.

1. Ahmad Hosaini Noor
2. Eliza Mohamed
3. Mohamed Fazil Aris
4. Noraisha Ahmad
5. Tengku Nurhafiza Tengku Abdul Rahman

RUJUKAN

Bransford, J. D., Brown, A. L., & Cocking, R., eds. (2000). *How people learn: Brain, mind, experience, and school*. Washington, D.C.: National Academy Press. Retrieved November 3, 2015 from <http://www.colorado.edu/MCDB/LearningBiology/readings/How-people-learn.pdf>

Cohen, J. (1988). *Statistical power analysis for the behavioral sciences* (2nd ed.). New Jersey: Lawrence Erlbaum. Retrieved January 21, 2016 from <https://researchrundowns.wordpress.com/quantitative-methods/effect-size/>

Daniel P. & Ramna J. (2015). Penerapan Paul's Wheel of Reasoning dalam Perbualan Berdasarkan Video. *Seminar Bahasa Melayu 2015*, Singapura.

Explorable.com (2015). *Ecological Systems Theory*. Retrieved November 1, 2015 from <https://explorable.com/ecological-systems-theory>

Hailikari, T., Katajaviuri, N., & Lindblom-Ylanne, S. (2008). The Relevance of Prior Knowledge in Learning and Instructional Design. *American Journal of Pharmaceutical Education*, 72(5), 113

Nasyitah A.B., Noor Aisyah A.S. & Zulkifli K. (2015). Penggunaan Kaedah 4P bagi Penilaian Kompetensi Lisan. *Seminar Bahasa Melayu 2015*, Singapura.

Psych Central Staff (2015). *Memory and Mnemonic Devices*. Retrieved November 1, 2015 from <http://psychcentral.com/lib/memory-and-mnemonic-devices/>

